



SERAH...Dr Daing (tengah) menyampaikan sijil kepada Dekan Pusat Siswazah, Prof Datin Dr Nasly Mohamed Ali.

UMP pertama

Metro (Selangor) Sabtu 27/11/11 ms47

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperoleh tempat pertama dengan pencapaian lima bintang dalam penarafan bagi penghantaran data semester kedua sesi 2010/2011 melalui sistem peraturan penyelenggaraan data untuk sistem maklumat Kementerian Pengajian Tinggi berkaitan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) MyMoheS, baru-baru ini.

MyMoheS adalah sistem dibangunkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi menyokong, memudahkan penyaluran, pertukaran dan perkongsian data atau maklumat antara KPT, IPT, Jabatan Perkhidmatan

Awam, Perbendaharaan dan lain-lain agensi kerajaan yang memerlukan keseragaman maklumat.

Justeru, bagi menghargai komitmen staf yang berusaha ber-sungguh-sungguh mencapai kejayaan itu, seramai 100 staf UMP dirai dalam Majlis Apresiasi MyMoheS yang disempurnakan Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim di Caribbean Ballroom, Bukit Gambang Resort City, di sini, semalam.

Menurut Dr Daing Nasir, dengan pelaksanaan sistem itu, pertukaran data antara agensi dengan KPT dapat dilaksanakan secara lebih bersistematik, mudah dan cepat.